

Mahkamah Sivivil tak boleh campur tangan

Mahkamah Syariah mesti bebas laksana bidang kuasanya

BH-7-Jan-2006

Oleh Veena Rusli

KUALA LUMPUR: Mahkamah Syariah mesti diberi kebebasan melaksanakan bidang kuasanya dalam membuat keputusan berhubung isu berkaitan Islam tanpa campur tangan Mahkamah Sivil, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz.

Sehubungan itu, beliau menegaskan, soal memansuhkan Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan semata-mata bagi memberi laluan kepada Mahkamah Sivil mengkaji keputusan Mahkamah Syariah berhubung kes berkaitan agama, tidak ha-

rus timbul.

“Kalau nak sahkan seseorang individu itu Islam atau tidak kerana dikatakan sudah memeluk Islam tanpa pengetahuan keluarganya, saya setuju Mahkamah Sivil diberi kuasa membuat keputusan.

Hak Mahkamah Syariah mesti dikekalkan seperti sedia ada,” katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, di sini semalam.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar berhubung hasil perbincangan Meja Bulat Parlimen mengenai kuasa kehakiman dalam hal berkaitan agama di ibu negara kelmarin.

Pertemuan yang dihadiri beberapa

“*Kuasa Mahkamah Sivil perlu dibataskan kepada kes tertentu saja dan bukan semua kes berkaitan peruntukan agama Islam*”

Mohamed Nazri Aziz
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Ahli Parlimen, peguam dan wakil kanan persatuan bukan Islam itu diadakan berikutan kontroversi sama ada bekas pendaki Everest, Allahyarham Mohammad Abdullah @ M Moorthy, sah memeluk Islam atau sebaliknya.

Antara lain, peserta perbincangan itu mencadangkan supaya Mahkamah Sivil diberi hak mengkaji keputusan kes Mahkamah Syariah.

Perbincangan itu memberi tumpuan kepada Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan yang menyebut, mahkamah tinggi tidak boleh